

POLA MEMINUM ALKOHOL KELUARGA, TAHAP
PENGETAHUAN ALKOHOL DAN PELANGGARAN
DISIPLIN. KAJIAN PERBANDINGAN PELAJAR
BANDAR DENGAN LUAR BANDAR DI
KALANGAN SUKU KAUM DUSUN
DI SABAH

HYACINTH CHIA



UMS

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2005

ABSTRAK

POLA MEMINUM ALKOHOL KELUARGA, TAHAP PENGETAHUANALKOHOL DAN PELANGGARAN DISIPLIN. KAJIAN PERBANDINGAN PELAJAR BANDAR DENGAN LUAR BANDAR DI KALANGAN SUKU KAUM DUSUN DI SABAH

Objektif kajian ini ialah untuk menentukan adakah terdapat perbezaan pola meminum alkohol keluarga, tahap pengetahuan tentang alkohol pelajar dan kes pelanggaran disiplin sekolah oleh pelajar lelaki dari suku kaum Dusun (SKD) antara yang bersekolah di bandar dengan di luar bandar. Kajian dibuat di lima buah sekolah menengah di Pantai Barat Selatan, Sabah. Soal selidik digunakan sebagai alat kajian. Seramai 60 orang responden yang terdiri daripada pelajar lelaki dari suku kaum Dusun yang berada dalam tingkatan empat telah dijadikan sampel. Semua responden telah dikenal pasti terlibat dengan penyalahgunaan alkohol. Soal selidik mengandungi 46 soalan dan dibahagikan kepada 4 bahagian iaitu : 1) demografi pelajar, 2) pola meminum alkohol keluarga pelajar, 3) tahap pengetahuan alkohol pelajar dan, 4) kes pelanggaran disiplin sekolah pelajar. Data dianalisa menggunakan SPSS versi 10.0. Pembuktian semua hipotesis adalah menggunakan *Independent – Samples T Test*. Untuk Hipotesis Nul yang pertama iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan pola meminum alkohol keluarga antara pelajar lelaki dari suku kaum Dusun yang bersekolah di bandar dengan yang bersekolah di luar bandar, aras signifikannya ialah sebesar 0.000. Memandangkan kebarangkalian berlakunya fenomena tersebut adalah kecil (kurang dari 0.025 atau 2.5 peratus), maka wujud perbezaan min yang signifikan. Dengan erti kata lain, Hipotesis Nul ditolak. Dapatkan untuk Hipotesis Nul yang kedua iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pengetahuan tentang alkohol antara pelajar lelaki suku kaum Dusun yang bersekolah di bandar dengan yang bersekolah di luar bandar, aras signifikannya ialah 0.026. Memandangkan kebarangkalian berlakunya fenomena adalah tinggi (lebih dari 0.025 atau 2.5 peratus), maka tidak wujud perbezaan min yang signifikan. Dengan erti kata lain, Hipotesis Nul diterima. Ujian ke atas Hipotesis Nul yang ketiga iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan kes pelanggaran disiplin sekolah antara pelajar lelaki dari suku kaum Dusun yang bersekolah di bandar dengan yang bersekolah di luar bandar, aras signifikannya pula ialah 0.003. Memandangkan kebarangkalian berlakunya fenomena adalah kecil (lebih dari 0.025 atau 2.5 peratus), maka wujud perbezaan min yang signifikan. Dengan erti kata lain, Hipotesis Nul ditolak.

ABSTRACT

**A PATTERN IN FAMILY'S ALCOHOL CONSUMPTION, DEGREE ON
ALCOHOL KNOWLEDGE AND DISCIPLINE PROBLEMS.
COMPARATIVE RESEARCH BETWEEN URBAN AND
RURAL AREAS DUSUN MALE STUDENTS IN SABAH**

The objective of the research is to determine whether there is a difference in the pattern of family alcohol consumption, of knowledge on students alcohol, school discipline problems among male students in urban and rural areas. The research is done in 5 secondary schools of the West Coast South area, Sabah. Questionnaires are used as the mechanism of research. 60 respondents comprising of Dusun male students in form four are chosen as samples. All the respondents have been identified to be involved in alcohol consumption. There are 46 questions in the questionnaire and they are divided into 4 sections that are, 1) students demography where the students are studying, 2) pattern on the respondents family alcohol consumption, 3) the respondents level of knowledge on alcohol and, 4) respondents discipline problems. The data is analyzed using SPSS version 10.0. Proof for the hypothesis is searched using the Independent-Samples T Test. In the first Nul hypothesis there is a no difference in the pattern of alcohol consumption between students in the urban area with students in the rural area where the level of significane is 0.00. The small level of significance (less than 0.025 or 2.5 percent) shows tha there exists a minimum level of significance. In the other words, the nul hypoyhesis is rejected. The second Nul hypothesis that is on the level of knowledge on alcohol among male students in the urban and rural areas show that the level of significance is 0.026. This show that the possibility of phenomena occurrence is high(more than 0.025 or 2.5 percent) with no significant. In other words, the Nul hypothesis is accepted. The test on the third Nul hypothesis that is on discipline problems among the Dusun male students in the rural and urban areas show the level of significance is 0.003. The small level of significance (less than 0.025 or 2.5 percent) shows tha there exists a minimum level of significance. In the other words, the Nul hypoyhesis is rejected.